

**SEJARAH PENGHIJRAHAN MASYARAKAT  
MELANAU MUKAH KE MIRI PADA  
TAHUN 1981-2014.**



**MATIUS BIN ANGGU**


**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**SEJARAH PENGHIJRAHAN MASYARAKAT  
MELANAU MUKAH KE MIRI PADA  
TAHUN 1981-2014.**

**MATIUS BIN ANGGU**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
SARJANA SAINS SOSIAL  
(SEJARAH)**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : SEJARAH PENGIJRAHAN MASYARAKAT MELANAU MUKAH KE MIRI PADA  
TAHUN 1981-2014.

IJAZAH : SARJANA MUDA

BIDANG : SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN (SEJARAH)

Saya **MATIUS BIN ANGGU** sesi **2021-2022** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,



**MATIUS BIN ANGGU**

**BA19110455**



(Dr. Mohd Shaukhi Mohd Radzi)

Penyelia Utama

**PENGESAHAN**

**SEJARAH PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MELANAU MUKAH KE MIRI  
PADA TAHUN 1981-2014.**

Oleh

**MATIUS BIN ANGGU**

**BA19110455**

**Latihan Ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada  
syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan  
Kepujian dalam bidang Sejarah**



---

**Dr. Mohd Shaukhi Mohd Radzi**

**Penyelia**

---

**Tarikh**

**PROGRAM SEJARAH  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2021/2022**

**PENGESAHAN**

NAMA : **MATIUS BIN ANGGU**  
NO. MATRIK : **BA19110455**  
TAJUK : **SEJARAH PENGHIJRAHAN MASYARAKAT  
MELANAU MUKAH KE MIRI PADA TAHUN 1981-  
2014**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (SEJARAH)**  
TARIKH VIVA :



**DISAHKAN OLEH :**

Tandatangan

**1. PENYELIA UTAMA**

Dr. Mohd Shaukhi Mohd Radzi

## PENGAKUAN

Karya bertajuk *Penghijrahan Masyarakat Melanau dari Mukah ke Miri pada tahun 1981 hingga 2014* adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Ogos 2022



---

Matius Bin Anggu

BA19110455



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan yang Maha Esa atas limpah kurnia dan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan tugas tesis ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda pengkaji di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa saya iaitu Anggu Bin Miteh dan Suyah Anak Jalin kerana telah banyak memberikan semangat dan sokongan dari segi kewangan dan pengangkutan dalam menyiapkan kajian pengkaji.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada penyelia utama tesis saya iaitu Dr. Mohd Shaukhi Mohd Radzi atas segala tunjuk ajar, dorongan, sokongan dan cadangan penambahbaikan membina sehingga tugas ini dapat disiapkan. Penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan dan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan bantuan bagi melengkapkan tugas ini. Begitu juga kepada adik beradik saya yang banyak memberi kata-kata semangat dan bantuan.

Akhir sekali, terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang membantu pengkaji sama ada secara langsung atau tidak langsung terutama kepada responden yang banyak membantu melengkapkan pencarian data dalam tugas ini. Semoga Tuhan yang Maha Esa memberikan balasan yang lebih baik juga.

## ABSTRAK

Penulisan ini mengenai penghijrahan sesebuah kumpulan masyarakat melakukan perpindahan dari tempat asal mereka ke tempat lain di mana mereka menganggap bahawa kualiti hidup mereka akan bertambah baik. Penghijrahan masyarakat Melanau ke bandar khususnya dari Mukah ke Miri ini atas alasan yang praktikal, iaitu untuk mencari peluang pekerjaan yang baik berbanding di kampung. Oleh kerana penghijrahan ini berlaku, maka timbul satu persoalan siapakah masyarakat yang berketurunan Melanau ini dan mengapa penghijrahan diambil? Pelbagai faktor yang dibincangkan untuk mengenalpasti penghijrahan ini berlaku seperti dari segi politik, ekonomi, pendidikan yang seiring dengan peredaran masa. Kemudian, persoalan bagaimanakah perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap kaum Melanau dalam penghijrahan dari Mukah ke Miri memberi sedikit sebanyak kesan adat dan pantang larang masyarakat Melanau itu sendiri. Seterusnya, persoalan berkenaan apakah kesan yang dihadapi selepas berlakunya penghijrahan kepada amalan masyarakat terdahulu dengan masyarakat Melanau yang semakin modern. Objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis latar belakang dan penghijrahan masyarakat Melanau dari Mukah ke Miri pada tahun 1981 hingga 2014. Seterusnya, mengetahui perubahan dan perkembangan setelah penghijrahan masyarakat Melanau dari Mukah ke Miri. Akhirnya, mengenalpasti kesan dan implikasi yang berlaku terhadap masyarakat Melanau dalam penghijrahan dari Mukah ke Miri. Proses pengumpulan data menggunakan kaedah rujukan sumber sekunder iaitu melalui merujuk buku-buku, jurnal dan artikel. Kesemua bahan rujukan ini akan diperolehi daripada buku yang dibeli atas talian, jurnal dan artikel ilmiah yang diakses atas talian. Dalam usaha mendapatkan sumber lisan ini, dan menemubual responden yang merupakan salah seorang anak jati Melanau Mukah yang pindah ke Miri. Hasil dapatan kajian diperolehi menunjukkan beberapa faktor membawa masyarakat mula berhijrah dan memberi kesan kepada corak kehidupan masyarakat Melanau. Signifikan dapatan kajian ini ialah dapat memberi gambaran jelas dan terperinci berkaitan dengan penghijrahan masyarakat Melanau dari Mukah ke Miri pada tahun 1981 hingga 2014.

Kata Kunci: Penghijrahan, masyarakat Melanau, dari Mukah ke Miri.



## **ABSTRACT**

### **Melanau migration from Mukah to Miri in 1981 to 2014**

*This writing is about the migration of a group of people moving from their place of origin to another place where they think that their quality of life will improve. The migration of the Melanau community to the city, especially from Mukah to Miri, is for practical reasons, namely to find better job opportunities than in the village. Since this migration took place, a question arises as to who is the Melanau-descended community and why is the migration taken? The various factors that are discussed to identify this migration happen such as in terms of politics, economy, education that go along with the passage of time. Then, the question of how the changes and developments that happened to the Melanau people in the migration from Mukah to Miri gave some effect to the customs and taboos of the Melanau community itself. Next, the question concerns what are the effects faced after the migration to the practices of previous societies with the increasingly modern Melanau society. The objective of this writing is to analyze the background and migration of the Melanau community from Mukah to Miri in 1981 to 2014. Next, find out the changes and developments after the migration of the Melanau community from Mukah to Miri. Finally, identify the impact and implications that occurred on the Melanau community in the migration from Mukah to Miri. The data collection process uses the secondary source reference method, which is through referring to books, journals and articles. All these reference materials will be obtained from books purchased online, journals and scientific articles accessed online. In an effort to obtain this oral source, and interview the respondent who is one of Mukah's native Melanau who moved to Miri. The results of the study showed that several factors led the community to migrate and had an impact on the life pattern of the Melanau community. The significance of the findings of this study is that it can provide a clear and detailed picture related to the migration of the Melanau community from Mukah to Miri in 1981 to 2014.*

*Keywords: Migration, Melanau community, from Mukah to Miri.*

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI FOTO</b>	ix
<b>SENARAI PETA</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Sorotan Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kaedah Kajian	14
1.8 Pembahagian Bab	14
1.9 Kesimpulan	16
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG PENHIJRAHAN MASYARAKAT MELANAU KE MIRI</b>	
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Menjejaki Komuniti Melanau	18
2.3 Faktor-faktor Penghijrahan Masyarakat Melanau	20
2.3.1 Politik	21
2.3.2 Ekonomi	22
2.3.1 Pendidikan	24
2.4 Pengaruh Kepimpinan Tun Taib Mahmud	26

2.5 Kesimpulan	31
----------------	----

**BAB 3: PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN KEHIDUPAN MASYARAKAT  
MELANAU DI MIRI**

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Perubahan dan Perkembangan Masyarakat Melanau	34
	3.2.1 Adat Resam dan Pantang Larang	35
	3.2.2 Adat Bangsa	37
	3.2.3 Adat Perkahwinan	39
	3.2.4 Adat Pengebumian	42
	3.2.5 Mobiliti Sosial	44
	3.2.6 Perubatan Tradisional	45
	3.2.7 Perayaan Pesta <i>Kaul</i>	46
	3.2.8 Permainan <i>Tibow</i>	49
	3.2.9 Pola Aktiviti Ekonomi	50
3.3	Kesimpulan	52

**BAB 4: KESAN PERUBAHAN TERHADAP MASYARAKAT MELANAU DI MIRI**

4.1	Pendahuluan	53
4.2	Kesan Perubahan Penghijrahan	54
	4.2.1 Sosiobudaya	54
	4.2.2 Hubungan Sosial	57
	4.2.3 Hubungan Etnik	59
	4.2.4 Perkahwinan Campur	61
	4.2.5 Ancaman Terhadap Bahasa	63
	4.2.6 Pembangunan Prasarana	65
	4.2.7 Teknologi Transformasikan Masyarakat	66
4.3	Identiti dan Masa Depan Masyarakat Melanau	68
4.4	Kesimpulan	71

**BAB 5 : RUMUSAN** 73

**RUJUKAN** 83

**LAMPIRAN** 88

## SENARAI FOTO

Foto	Halaman
2.1 Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud	25



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

	Halaman
Peta	
2.1 Peta Kawasan Mukah	17
2.2 Peta Sarawak (Miri)	18



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>COME</b>	-	<i>Change, Opportunity, Mobility, and Equality</i>
<b>PMS</b>	-	Persatuan Melanau Sarawak
<b>PRS</b>	-	Parti Rakyat Sarawak
<b>SPDP</b>	-	Sarawak Progressive Democratic Party
<b>SUPP</b>	-	Sarawak United People's Party
<b>UNIMAS</b>	-	Universiti Malaysia Sarawak
<b>Warismu</b>	-	Badan Warisan Budaya Mukah



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Masyarakat Melanau adalah kaum bumiputera yang keempat terbesar di Sarawak selepas kaum Iban, Melayu dan Bidayuh.<sup>1</sup> Masyarakat Melanau juga tidak banyak dikenali oleh masyarakat luar kerana mereka tergolong dalam kaum minoriti di Sarawak. Masyarakat Melanau kebanyakannya tinggal di bahagian Mukah, Igan, Oya, Dalat, Sibul, Sarikei, Matu, Daro, Rejang dan Bintulu. Masyarakat Melanau menggelarkan diri mereka sebagai *a-likou* yang membawa maksud orang pribumi atau orang asal tempatan di Sarawak. Istilah *a-likou* digunakan adalah merujuk kepada masyarakat Melanau yang belum mengamalkan agama Islam dan Kristian. Masyarakat Melanau ditakrifkan sebagai kaum yang mengamalkan budaya Melanau, bertutur dalam bahasa Melanau, makan makanan Melanau, dan memiliki jati diri orang Melanau yang khusus, serta tinggal di kawasan pesisiran di antara Kuala Rejang dan Kuala Baram.

Dalam mengenal pasti keberadaan masyarakat Melanau ini, penempatan utama masyarakat Melanau adalah terletak di muara sungai dan juga anak sungai di kawasan pesisiran dari daerah Rejang. Terdapat juga pusat penempatan tertentu yang berhampiran dengan laut yang menunjukkan bahawa pola penempatan semua komuniti Melanau bercorak "lineal". Pola penempatan ini jelas berkaitan dengan kegiatan ekonomi masyarakat ini, namun ianya lebih dipengaruhi oleh faktor alam seperti hutan dan paya yang luas.

---

<sup>1</sup> Masyarakat Melanau merupakan salah satu kaum yang ada di Sarawak. Lihat, Jeniri Amir, *Masyarakat Melanau di Sarawak*, Kuala Lumpur : Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2015, hlm 196.

Penghijrahan komuniti ini dari kawasan pedalaman ke kawasan pesisiran yang bertujuan mencari kawasan yang lebih sesuai dan selamat telah banyak mempengaruhi pola kehidupan dan kemajuan yang dinikmati oleh mereka pada zaman moden. Kawasan pekan dan bandar-bandar menjadi kawasan kediaman utama masyarakat Melanau hinggalah sekarang. Keberadaan kepimpinan besar Sarawak iaitu Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud yang merupakan mantan Ketua Menteri Sarawak yang keempat dan beliau juga merupakan Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang ke-7. Beliau merupakan pemimpin Sarawak yang disegani ramai kerana kepimpinan dan pengaruh yang beliau miliki. Beliau adalah salah seorang pemimpin Sarawak yang berketurunan Melanau dan lahir di Miri, Sarawak. Kehadiran beliau menjadi satu persoalan berkenaan adakah penghijrahan kaum Melanau itu turut didorong dengan pengaruh yang beliau miliki.

Penghijrahan berlaku apabila kumpulan sosial, baik manusia atau binatang, yang melakukan perpindahan dari tempat asal mereka ke tempat lain di mana mereka menganggap bahawa kualiti hidup mereka akan bertambah baik. Maksud ini membawa isi tersirat terbentuknya kehidupan baru dalam lingkungan sosial, politik dan ekonomi yang berbeza. Penghijrahan kaum Melanau ke bandar khususnya dari Mukah ke Miri ini atas alasan yang praktikal, iaitu untuk mencari peluang pekerjaan yang baik berbanding di kampung. Walau bagaimanapun, di bandar tidak semuanya bernasib baik. Masih ada yang menjadi buruh kasar dan ada juga yang masih menjalankan kegiatan ekonomi seperti di kampung iaitu menjadi nelayan, seperti dari permulaan penghijrahan orang Melanau ke Miri pada tahun 1950-an hingga 1980-an. Mereka membina rumah di kawasan setingan berdekatan dengan bandar Miri, seperti Kampung Dagang.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Persoalan penghijrahan masyarakat Melanau itu satu perkara yang perlu diangkat dan dibincangkan agar setiap perkembangan kaum Melanau dapat difahami dengan lebih jelas oleh generasi muda. Penghijrahan ini dilihat sebagai satu jalan terbaik bagi kaum Melanau kerana mereka menganggap bahawa keadaan mereka akan



lebih baik sekiranya berada di bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana bandar menyediakan peluang pekerjaan dan pendidikan dalam mengubah nasib mereka. Dengan berlakunya penghijrahan ini maka sedikit sebanyak sumbangan dan keterlibatan masyarakat Melanau dalam pelbagai aspek yang diceburi.

Maka, kajian ini akan membuat satu perbincangan khusus mengenai sejarah penghijrahan kaum Melanau dari Mukah ke Miri akan memperlihatkan kepada tiga persoalan utama. Antaranya, persoalan mengapa penghijrahan masyarakat Melanau berlaku dari Mukah ke Miri. Oleh kerana penghijrahan ini berlaku, maka timbul satu persoalan siapakah masyarakat yang berketurunan Melanau ini dan mengapa penghijrahan diambil? Pelbagai faktor yang dibincangkan untuk menjelaskan penghijrahan ini berlaku seperti dari segi politik, ekonomi, pendidikan yang seiring dengan peredaran masa.

Kemudian, persoalan bagaimanakah perkembangan dan perubahan kehidupan yang berlaku terhadap masyarakat Melanau dalam penghijrahan dari Mukah ke Miri memberi sedikit sebanyak kesan adat dan pantang larang masyarakat Melanau itu sendiri. Seterusnya, persoalan berkenaan apakah kesan perubahan yang dihadapi selepas berlakunya penghijrahan kepada amalan masyarakat terdahulu dengan masyarakat Melanau yang semakin modern. Meskipun berada jauh di perantauan, mereka tetap tidak lupa akan asal usul. Mereka tetap menganggap diri mereka sebagai anak Melanau. Mereka bangga dengan jati diri tersebut. Jati diri yang ada melambangkan masyarakat Melanau itu tidak pupus ditelan zaman meskipun berlakunya perubahan.

Justeru, penghijrahan masyarakat Melanau ini telah mencetuskan satu permasalahan yang menunjangi kajian ini iaitu proses penghijrahan ke Miri telah membawa kesan positif dari sudut ekonomi, politik, dan pendidikan. Namun begitu, masyarakat Melanau perlu bijak dalam menangani perubahan agar identiti dan jati diri Melanau tetap dijaga.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian dalam penulisan ini adalah bertujuan bagi menjawab persoalan-persoalan yang timbul berdasarkan permasalahan kajian tajuk kajian ini. Maka, objektif penulisan ini menggariskan tiga objektif dalam kajian ini :

1. Menjelaskan latar belakang penghijrahan masyarakat Melanau dari Mukah ke Miri pada tahun 1981 hingga 2014.
2. Membahaskan perkembangan dan perubahan kehidupan masyarakat Melanau setelah penghijrahan masyarakat dari Mukah ke Miri.
3. Menganalisis kesan perubahan terhadap masyarakat Melanau yang berlaku setelah penghijrahan dari Mukah ke Miri.

Setiap objektif mewakili bab yang tertentu. Bagi objektif pertama yang merupakan bab kedua berkenaan dengan analisis latar belakang penghijrahan masyarakat Melanau yang dari tempat tinggal asal sehingga ke bandar Miri atas faktor tertentu. Objektif kedua mewakili bab ketiga akan membahaskan perkembangan dan perubahan kehidupan masyarakat Melanau setelah mereka berhijrah ke Miri. Kemudian, objektif ketiga merupakan bab keempat dalam penulisan ini akan menganalisis kesan perubahan terhadap masyarakat Melanau yang berlaku setelah penghijrahan tersebut. Dengan objektif yang hendak dicapai ini, diharapkan hasil penulisan ini mampu memaparkan perspektif sejarah penghijrahan masyarakat Melanau Mukah ke Miri pada tahun 1981 hingga 2014.

### **1.4 Sorotan Kajian**

Kajian yang berkaitan dengan sejarah penghijrahan kaum Melanau Mukah ke Miri pada tahun 1981 hingga 2014 masih tidak banyak dilakukan. Kalau adapun penulisan yang mengaitkan tentang adat dan asal usul kaum Melanau, kajian terdahulu hanyalah lebih memfokuskan tentang sejarah perkembangan asal-usul bumiputera yang ada di Sarawak. Oleh itu, beberapa pengkaji menulis secara umum dengan melihat kepada keseluruhan suasana kehidupan politik, ekonomi dan

sosial masyarakat semasa zaman tersebut. Dalam pada itu juga, bentuk kajian terdahulu lebih berkisar tentang beberapa tema yang berbeza-beza berkaitan dengan sosial tetapi berkaitan dengan sejarah penghijrahan kaum Melanau ini kurang diketengahkan. Dengan adanya kajian penulisan-penulisan terdahulu ini, pengkaji telah menjadikan ianya sebagai rujukan dalam penulisan ini.

Jeniri Amir telah menghasilkan satu kajian yang komprehensif khusus berkaitan dengan sejarah masyarakat Melanau. Dalam kajiannya yang *Masyarakat Melanau di Sarawak* telah mengupas pelbagai persoalan tentang kaum Melanau, termasuklah sejarah dan asal-usul, sistem kekeluargaan dan kekerabatan, organisasi sosial, sistem kepercayaan, adat resam dan pantang larang, sistem politik dan kepimpinan, sistem dan kegiatan ekonomi, serta transformasi kemajuannya tanpa menyetepikan aspek sejarah dan kehidupan kaum Melanau pada masa silam. Kaum Melanau adalah salah satu suku etnik yang ada di Sarawak. Umum beranggapan bahawa masyarakat Melanau banyak persamaan dengan masyarakat Melayu, sama ada dari segi pegangan kepercayaan, tradisi budaya dan adat istiadat. Namun begitu, jelas sekali bahawa masyarakat Melanau mempunyai amalan adat istiadat dan budaya yang berbeza. Dalam Penulisan Jeniri Amir ini turut menyatakan bahawa perjalanan sejarah dan persekitaran terdapat berlaku perubahan dan perbezaan yang ketara antara mereka terutamanya dari segi bahasa dan adat istiadat. Pada masa sebelum penaklukan Kesultanan Brunei sekitar 500 tahun yang lalu, masyarakat Melanau lebih mengamalkan kepercayaan pagan. Namun kedatangan Kesultanan Brunei telah mengubah sebahagian masyarakat Melanau menganuti agama Islam, kemudian dengan kedatangan Rajah Brooke turut menyebabkan masyarakat Melanau menganuti agama Kristian dan segelintir masih berpegang kepada kepercayaan animisme. Dengan berlakunya perubahan seiring dengan aliran masa, maka banyak cabaran yang dihadapi bagi mengekalkan jati diri kaum Melanau.

Seterusnya penulisan daripada Yasir Abdul Rahman mengenai "*Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya*". Dalam penulisan tersebut, beliau memberikan gambaran bahawa identiti dan adat resam kaum Melanau Mukah yang hidup dengan corak kehidupan yang unik untuk dibincangkan. Pelbagai keunikan yang

ada dalam jati diri orang Melanau itu dan budaya yang perlu diperkembangkan dari masa ke semasa. Oleh itu, suku kaum Melanau ini telah mengalami pelbagai perubahan sejak zaman dahulu lagi. Kaum Melanau merupakan kaum yang dinamik dan agresif sekiranya dipandang dari segi kegiatan belayar dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Penghijrahan atau perpindahan satu tempat ke satu tempat ini berlaku dikatakan untuk menjalankan perniagaan atau pertukaran barang hasil keluaran. Dalam penulisan, beliau juga menyentuh bahawa proses perniagaan bukan merupakan proses yang dijalankan secara sehalu saja kerana faktor pendudukan yang berhampiran dengan pesisiran yang terdedah dengan rombongan perdagangan daripada komuniti lain. Dengan ini menjelaskan konsep nilai yang diletakkan ke atas manik-manik, emas dan sebagainya yang bukan daripada buatan tempatan. Hal ini jelas menjadikan kayu ukur kekayaan seseorang pada ketika itu. Nilai-nilai ini menggambarkan sistem pangkat dan golongan bangsawan sebagai pemimpin, serta menunjukkan perkembangan sosioekonomi yang agak tinggi bagi masyarakat Melanau ini.

Berikutnya, sorotan makalah yang bertajuk *Varian Melanau Sarawak: Tinjauan Di Melanau Mukah* dihasilkan oleh Norfazilla Ab. Hamid dan Rahim Aman. Dalam artikel ini, satu varian Melanau dijelaskan yang terdapat di Sarawak iaitu varian Melanau Mukah. Makalah ini ingin menilai dan menyusun semua aspek-aspek fonologi yang masih belum dapat untuk menjelaskan terhadap beberapa kajian tentang varian Melanau Mukah iaitu dalam menentukan jumlah inventori fonem. Oleh itu, makalah ini memberi tumpuan kepada aspek fonetik dan fonologi dengan cara menjelaskan sistem fonologi varian Melanau Mukah dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong dan mengidentifikasikan keberadaan alternasi dalam varian Melanau Mukah. Daripada makalah varian Melanau Mukah ini, pengkaji memberi gambaran bagaimana aspek-aspek fonologi yang belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang varian Melanau Mukah. Analisis data bermula dari segi penyebaran fonem dan bunyi yang terdapat dalam kawasan kajian berdasarkan bunyi vokal, diftong dan konsonan. Melalui makalah ini, maka kita dapat mengetahui bagaimana untuk mengenali sedikit sebanyak varian Melanau Mukah berbanding dengan varian Melanau di Kawasan lain. Dengan ini

juga dapat membezakan masyarakat Melanau dengan tutur kata dan perkataan yang mereka gunakan.

Seterusnya, sorotan daripada karya Chong Shin yang bertajuk *Asal-Usul dan Perubahan Identiti Kaum Melanau di Sarawak: Suatu Hipotesis*. Makalah ini membincangkan asal usul dan identiti masyarakat Melanau di Sarawak. Dari sudut geografi, masyarakat Melanau yang kebanyakannya tersebar di kawasan paya di pesisir pantai Sarawak iaitu dari Delta Rejang hinggalah ke Bintulu. Secara linguistik dan etnografi, afiliasi etnik mereka bukan tergolong sebagai suku Dayak ataupun Melayu. Oleh itu, dengan ketiadaan empunya identiti yang jelas dan spesifik, maka wujud perdebatan tentang asal usulnya. Kebanyakan penulis sepakat bahawa tanah asal Melanau adalah di pedalaman Sarawak dan berhubung tradisi, adat dan bahasa dengan Orang Ulu seperti kaum Kayan, Kenyah dan Kajang. Daripada ini, dapat dijelaskan bahawa kaum Melanau adalah dari kawasan hulu, tinggal berjiran dengan suku Kenyah, Kayan, Kajang dan kesemua bahasa ini adalah berkerabat. Selepas berpindah dari Kawasan hulu maka jelas sekali hubungan mereka dilihat semakin menipis. Daripada makalah ini, apa yang boleh difahami adalah dengan menelusuri hubungan Melanau dengan Orang Ulu daripada perspektif linguistik dan kebudayaan. Terdapat juga bahawa Mukah dan Oya adalah jalur migrasi purba untuk suku Melanau ke kawasan hilir. Selepas gelombang migrasi berhenti, komuniti ini menghadapi dua kali perubahan identiti. Pertukaran pada kali pertama membabitkan identiti kebudayaan dan berlaku selepas mereka berpindah ke pesisir pantai. Dengan itu, mereka juga difahamkan meninggalkan identiti lama tersebut agar bersesuaian dengan persekitaran baru. Selain itu, identiti berlaku perubahan kali kedua dengan menukar amalan hidup mengikut agama Islam, misalnya menukarkan identiti mereka ke Melayu dan berbahasa Melayu Sarawak sebagai pertama.

Di samping itu, melihat kepada sorotan daripada penulisan Pan Hai Lung dengan hasil tulisannya yang bertajuk *Identiti dan Hubungan Melanau: Satu Kajian di Kampung Petanak, Mukah, Sarawak*. Melalui penulisan beliau, beliau membuat penelitian terhadap identiti dan hubungan etnik di kalangan Orang Melanau Mukah, Sarawak. Tempat kajian beliau fokus kepada kampung Petanak dan pemerhatian

yang dilakukan kepada keadaan kampung lain juga terutama di kampung Judan dan kampung Telian. Identiti yang dilihat dalam penulisan beliau termasuklah ciri-ciri identiti seperti petempatan, bahasa dan agama, aspek-aspek sosial budaya, kegiatan ekonomi serta kebudayaan kebendaan. Selain itu juga, dalam penulisan beliau memperlihatkan bagaimana mengidentifikasi tentang masyarakat Melanau sebagai satu kumpulan etnik di kalangan orang Melanau itu sendiri dan juga kumpulan etnik yang lain. Dapat dilihat juga melalui dari segi aspek perhubungan etnik secara antara etnik dan juga tumpuan khas kepada perbezaan agama di kalangan mereka. Jelaslah bahawa dengan kepelbagaian agama sebagai satu identiti, maka secara tidak langsung telah menyebabkan agama itu sendiri tidak merupakan satu halangan terhadap hubungan di kalangan masyarakat. Namun sebaliknya, ia menjadi salah satu faktor yang dapat memperbanyakkan peluang interaksi dengan etnik lain yang terdiri daripada pelbagai agama.

Selanjutnya, sorotan dari penulisan Nuriah Binti Mohd Rosli yang bertajuk *Perubahan dan Cabaran dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melanau*. Dalam penulisan ini, beliau membincangkan tentang perubahan dan cabaran dalam adat perkahwinan masyarakat Melanau Mukah di Sarawak. Hal ini jelas masyarakat Melanau pasti mengalami perubahan dari segi adat selepas menerima penyebaran agama Islam ke rantau ini. Perubahan yang dilihat dan dikenal pasti adalah melalui barang hantaran, pakaian dan pantang larang yang diamalkan pada masa dahulu dan kini. Perubahan budaya atau pengaruh agama ini telah menyebabkan beberapa adat dalam perkahwinan masyarakat Melanau ditinggalkan dan ianya menjadi cabaran yang paling besar adalah dengan kedatangan agama dan keadaan sedikit sebanyak telah mempengaruhi adat dan pantang larang dalam perkahwinan itu. Hal ini sudah pasti akan membawa kepada adat semakin lama dilupakan sehingga tiada generasi yang akan mengamalkannya, malah tidak dapat dinafikan generasi akan datang tidak mengetahui pantang larang yang harus diketengahkan selagi tidak bercanggah kepada pegangan agama masing-masing.

Sorotan artikel dari penulisan Sherrylyn Kang dan Adnan Jusoh yang bertajuk *Manifestasi Status Sosial Berdasarkan Tradisi Pengebumian Tradisional Masyarakat Melanau*. Artikel ini menceritakan tentang cara pengebumian golongan

aristokrat dan golongan pertengahan dalam masyarakat Melanau Mukah. Tradisi ini dilihat jarang mendapat liputan menyebabkan orang awam tidak mengetahui keunikannya. Tambahan pula tradisi ini sudah tidak diamalkan lagi menyebabkan pengetahuan mengenainya yang semakin lesap. Melalui kajian ini mendapati tradisi pengebumian Melanau tradisional amat dipengaruhi oleh kepercayaan dan status sosial seseorang. Kepercayaan lama yang disebutkan sebagai kepercayaan Likow telah memberikan impak yang besar terhadap tradisi pengebumian masyarakat Melanau. Dalam masa yang sama, status sosial juga turut menyumbang dalam keunikan tradisi pengebumian Melanau tradisional. Sememangnya masyarakat Melanau sangat mementingkan status sosial dalam kehidupan mereka sehinggakan mereka telah mengelaskan masyarakat mereka kepada lapisan masyarakat. Pertama adalah golongan sembilan pikul yang menduduki lapisan teratas, diikuti dengan tujuh pikul iaitu golongan kelas pertengahan dan akhir sekali adalah tujuh bertirih dan dipen pada lapisan paling bawah. Oleh itu, pengelasan status tersebut telah mewujudkan perbezaan dalam aspek pengebumian masyarakat Melanau pada zaman tradisional.

Sorotan seterusnya dari penulisan Dzulfawati Haji Hassan yang bertajuk *Upacara Kematian Melanau Likow Di Sarawak*. Dalam penulisan ini memfokuskan mengenai tradisi yang masih diamalkan oleh sebahagian ahli masyarakat Melanau Likow di kawasan Mukah dan sekitarnya. Penulisan beliau juga menghuraikan satu analisis mengenai salah satu elemen budaya dalam masyarakat Melanau tradisi, iaitu mengenai fasa-fasa yang berlaku dalam upacara kematian, termasuk upacara selepas pengebumian ahli dalam komuniti ini. Penulisan ini juga meneliti sejauh mana pandangan dan teori-teori pengkaji awal mengenai upacara kematian dapat diaplikasikan kebenaran atau sebaliknya dalam penulisan ini. Selain itu, dalam penulisan ini turut membincangkan mengenai perubahan budaya yang berlaku dalam masyarakat Melanau yang telah membawa kepada perubahan-perubahan dalam amalan semasa upacara kematian Melanau Likow pada masa kini. Melalui amalan-amalan yang dilakukan semasa upacara kematian masyarakat Melanau, maka dapat dihuraikan kefahaman mengenai makna dan simbol, kepercayaan dan pandangan dunia, serta isu kesepaduan sosial dalam masyarakat Melanau Likow. Perubahan di peringkat wilayah mahupun negara sudah pasti akan membawa

sedikit sebanyak perubahan yang menjadi cabaran kepada masyarakat Melanau untuk mengekalkan budaya dan pengaruh mereka.

Kemudian, sorotan penulisan dari Hanapi Dollah dan Mohd Rizal Mohd Yaakop berkenaan *Melanau dalam Politik Sarawak: Tradisionalisme dan Pilihan Raya*. Penulisan ini menggambarkan sebagaimana diketahui umum bahawa sebahagian besar daerah di Sarawak masih berkeadaan perkampungan luar Bandar dan pedalaman. Pembangunan prasarana dan kemudahan sosial lebih tertumpu pada kawasan bandar. Keadaan ini boleh dilihat dari segi jalan dan pengangkutan air yang terus menjadi laluan utama. Mukah dan kawasan Melanau sekitarnya meskipun tidak berada di pedalaman, iaitu merupakan sebuah jalur petempatan pesisir yang memanjang dari Rajang hinggalah ke Miri. Namun begitu, ianya masih merupakan antara kawasan yang tertinggal dari segi pembangunan dan kemajuan tersebut. Kawasan bandar yang pesat membangun sekarang iaitu Daro, Matu, dan Dalat, selain kawasan Mukah itu sendiri. Meskipun begitu, sehingga sekarang Mukah menjadi bandar utama untuk orang Melanau, tetapi tanda-tanda tradisional masih nyata di sini terutamanya apabila berada di luar pusat bandar. Jelaslah bahawa boleh dianggap sebahagian masyarakat Melanau di kawasan itu masih berada dalam keadaan tradisional.

Sorotan dari penulisan Rosita Hj. Suhaimi yang bertajuk *Pembangunan Urbanisasi Sarawak dan Cabarannya*. Penulisan ini membincangkan proses urbanisasi di Sarawak. Proses ini memang sudah berkembang dengan pesat dari satu pemimpin ke pemimpin seterusnya. Urbanisasi di Sarawak berlaku disebabkan oleh dua faktor utama iaitu pertambahan penduduk di kawasan bandar dan peningkatan penghijrahan, khususnya di bandar Kuching, Bintulu dan Miri. Bilangan penduduk di kawasan bandar telah bertambah setelah satu dekad berlalu, terutamanya di bandar utama seperti di Kuching, Bintulu, Miri dan Sibul. Pada tahun 1980, hanya 24.2% daripada penduduk tinggal di bandar Kuching. Keadaan ini sudah jauh berbeza pada tahun 1991, di mana 75.3% telah menetap di bandar. Hal ini jelas disebabkan oleh peningkatan penduduk ataupun disebabkan oleh penilaian semula kawasan bandar. Bilangan penduduk di bandar terus meningkat ke 85.5% pada tahun 2000. Hal ini demikian kerana salah satu yang menjadi faktor untuk